



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN	
TARIKH	:	1/4/2021	MUKA SURAT : 13
JABATAN	:	JPSM	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

Pulihara keaslian Hutan Simpan Kuala Langat Utara

Malaysia memiliki begitu banyak keistimewaan dan kekayaan sumber buhmi hingga digelar Suwarnabhumi (Bumi Emas) oleh penganalisa India atau Chersonesus Aurea (Semenanjung Emas) oleh orang Yunani.

Bagaimanapun, jarang sekali kita memikrkan alam sekitar yang bukan hanya sumber oksigen, air dan makanan, bahkan 'peruk nasi' kepada mereka bergantung penuh pada kemampuan mereka seperti masyarakat Orang Asli di Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKU).

HSKU antara hutan simpan kekal di Selangor diwartakan sekitar 1920-an dan mempunyai ekosistem sangat unik dengan kebanyakan kawasan hutan berkenaan adalah hutan paya gambut. Hutan ini menyimpan sebuah satu khazanah alam sejak ribuan tahun dan diduduki masyarakat Orang Asli Temuan lebih 150 tahun. Hutan ini boleh dianggap nadi kehidupan masyarakat ini hingga menjadi tempat keberuntungan menjalankan ekonomi, budaya dan sosial harian.

Sejak berita penyahwartaan hutan ini masyarakat Orang Asli Temuan berasa terancam dan seolah-olah tidak mempunyai hak terhadap tempat ting-

gal serta sumber pendapatan.

Berita penyahwartaan itu turut dibantah sebilangan besar rakyat termasuk Gabungan Pertahanan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (PHSKU) merangkumi beberapa organisasi dan aktivis alam sekitar.

Ini kerana hutan mempunyai pelbagai kepentingan, sekali gus sepatutnya menjadi bukti dan justifikasi lebih mencukupi untuk membatalkan agenda kerajaan negeri.

Antara faktor bantahan cadangan penyahwartaan HSKU adalah untuk memastikan kesejahteraan dan kualiti hidup manusia serta alam sekitar dapat dipelihara supaya dapat mengekalkan kemampuan dan kelestarian biodiversiti.

Sebagai kawasan tanah bencah, ia mempunyai sifat ekologi sangat di namuk. Kawasan ini sentiasa dibujiri air dengan persekitaran mengalam perubahan saliniti dan kelembutan sedimen secara berterusan di samping mempunyai kandungan oksigen rendah.

Ja kaya dengan tumbuh-tumbuhan yang mempunyai keupayaan untuk mengawal aliran air, penstabilan struktur tanah bagi menghalang banjir dan

boleh membeal sumber air bersih.

Kawasan ini terbukti membawa pelbagai kebaikan kepada manusia dan alam sekitar dalam bentuk 'perkhidmatan ekosistem' dari segi pembekalan sumber makanan, air dan udara bersih, melindungi ekosistem serta biodiversiti.

Ia juga memelihara identiti kebudayaan dan menjadi sumber ekonomi kukuh terutama kepada komuniti berdekatan atau di kawasan tanah bencah ini sendiri yang bergantung sepenuhnya pada hasil hutan seperti Orang Asli.

Kawasan itu juga berupaya mengaturnya sendiri mengurangkan kesan perubahan iklim secara signifikan.

Contohnya, tanah bencah terkenal dengan kemampuannya dalam kitaran karbon berfungsi mengawal tahap gas berbahaya seperti karbon dioksida, metana dan hidrogen sulfida dengan menyerap atau memerangkapnya dalam tanah (kolam karbon).

Ini menjadi sebab utama ekosistem tanah bencah turut dikenali sebagai penyekek dan pembekas karbon kerana mengandungi kandungan karbon terkumpul sejak ribuan tahun.

Penghapusan hutan ini akan menyebabkan pengurangan atau pengoksidaan bahan organik serta bertakunya pelepasan karbon terkumpul ke atmosfera.

Ekosistem tanah bencah turut terkenal dengan kepelbagaian flora fauna yang menjadi habitat serta pusat migrasi dan pembiakan pelbagai spesies, sekali gus menjadikan Malaysia antara 17 negara diklasifikasikan sebagai negara mega kepelbagaian biodiversiti di dunia.

Ternyata penyahwartaan HSKU membawa lebih banyak keburukan daripada kebaikan kepada alam sekitar mahupun manusia.

Saya terpanggil supaya semua pihak dapat melindungi kepelbagaian biologi flora dan fauna di negara ini, menjadi sumber air dan udara bersih serta sumber makanan berkuliti dan berkhasiat.

Dengan ini saya bersama rakyat termasuk PHSKU dan komuniti Orang Asli Temuan membantah serta menolak cadangan penyahwartaan Hutan Simpan Kekal (HSK) bagi HSKU.

Mogesh Sabathiy
Firdis Anugerah Belia Komarwel 2021